



**SURAT PEMBERITAHUAN
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)

Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

**JURURAWAT (PARAMEDIK)
(M.7-8 EB.9)
KEMENTERIAN KESIHATAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Am:

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat dan Penduduk Tetap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**JURURAWAT (PARAMEDIK)
KEMENTERIAN KESIHATAN
M.7-8 EB.9 (\$1,310 - \$2,315 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 25 (DUA PULUH LIMA)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. i) Diploma dalam bidang Paramedik atau sebanding dalam bidang bersesuaian.
- ii) Memenuhi syarat-syarat kelayakan pendaftaran dengan Lembaga Jururawat bagi Brunei (*Nursing Board for Brunei*) atau mana-mana Lembaga yang berkenaan dan diiktiraf.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memberi bantuan atau rawatan kecemasan perubatan yang diperlukan kepada pesakit di tempat kejadian sebelum dan semasa dalam perjalanan ke *hospital* dengan menggunakan perkhidmatan darat, laut ataupun udara;
2. Bersedia untuk ditugaskan bila-bila masa untuk liputan perubatan (*Medical Cover*) apabila dikehendaki;
3. Bertugas secara bergilir-gilir dan bersedia untuk panggilan kecemasan bila diperlukan;
4. Bertanggungjawab ke atas keselamatan kenderaan dan pesakit yang akan dihantar ke *hospital*;
5. Memberi maklumat tentang pesakit, dengan menggunakan *VHF RADIO* kepada jururawat yang bertugas di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan untuk rawatan selanjutnya;
6. Membantu dan bekerjasama dengan pihak agensi kerajaan seperti Polis Diraja Brunei dan Pasukan Penyelamat dan Bomba Brunei Darussalam dalam pengurusan sesuatu kejadian;
7. Berfungsi selaku perkhidmatan bantuan *SUPPORT SERVICES* bagi perkhidmatan perubatan dan kesihatan-pemindahan ke *hospital* bagi kecemasan ataupun kes yang bukan kecemasan; dan
8. Mentadbir dan mengurus unit dari segi strategik, latihan dan dasar.